

Warkah Keamanan dan Muhibah
Dipena oleh
Belia Wales, kepada Belia Dunia

Pilihan dan Kepekaan

Kami tiada diberi panduan untuk cara membawa keamanan tetapi yang berikut adalah apa yang kami rasa sebagai asasnya - keamanan itu datangnya daripada saling menghormati sesama diri

keamanan bermaksud merasa selamat
keamanan itu muafakat
keamanan itu..
suatu pilihan yang bisa kamu buat

seratus tahun dahulu semasa Perang Dunia Pertama, lelaki berumur antara 18 dan 41 diarah untuk menyertai pasukan tentera,
'Anda tiada pilihan!'

Tetapi bagi sesetengah daripada mereka, hati nurani mereka membisik, dan berkata bahawa peperangan itu bukan suci. Jadi mereka membuat keputusan untuk diri sendiri.

Untuk membantah.

Pembantahan hati mereka itu sudahpun menjadi satu perjuangan, tetapi mereka percaya akan keamanan dan mereka memilih keamanan. Keputusan yang mereka ambil bukanlah senang, tapi merupakan keputusan yang berani.

Kini, giliran kita pula untuk menyahut panggilan untuk menjadi berani, untuk mendengar suara hati kita. Semasa membina dinding, setiap bata itu bermakna, dan dalam menyemai keamanan, setiap pilihan juga bermakna

kami memilih untuk saling menghormati
kami memilih untuk membantu sesama diri
kami memilih untuk memikul tanggungjawab
kami memilih untuk menerima masing-masing seperti sedia ada

Mahukah kamu membina bersama kami?